

Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Masalah Silverlight

SETIAP kali mahu menonton video menerusi pelayar web, terdapat masalah memerlukan pemasangan aplikasi Microsoft Silverlight. Namun begitu, didapati aplikasi itu ada dalam sistem Windows tetapi apabila setiap kali pemasangan aplikasi versi baru dibuat setelah versi lama dibuang, terdapat kesalahan. Apakah masalahnya?

-KIE, Klang.

TERDAPAT beberapa kaedah akan dibincangkan berkenaan masalah pemasangan aplikasi ini. Aplikasi Microsoft Silverlight merupakan satu kerangka aplikasi permohonan untuk penulisan dan larian sebarang aplikasi internet yang kaya dengan pelbagai jenis kandungan seperti aplikasi *Adobe Flash*.

Pemasangan aplikasi atau plug-in bagi Silverlight ini disediakan untuk sesetengah pelayar web.

Pertamanya, perlu dibuang sepenuhnya aplikasi *Microsoft Silverlight* versi lama menerusi program *Control Panel > Programs > Program and Features* dalam sistem Windows 10. Kemudian, buat pemasangan baru aplikasi tersebut.

Sekiranya tidak berjaya, berkemungkinan proses pembuangan yang dibuat pada aplikasi versi lama tidak sempurna. Jadi, larikan aplikasi pemasangan Microsoft Silverlight versi terkini untuk membuang aplikasi versi lama.

Sekiranya tidak berjaya, cuba menggunakan aplikasi pihak ketiga untuk mengurus pemasangan aplikasi seperti aplikasi *Ninite*, *Application Manager* dan lain-lain. Sekiranya berjaya, buat pemasangan baru aplikasi *Microsoft Silverlight*.

Sekiranya masih bermasalah, cuba kaedah terakhir untuk membuang aplikasi *Microsoft Silverlight* versi lama secara lebih praktikal dengan membuang sepenuhnya fail-fail pemasangan yang ada dalam sistem Windows. Proses pembuangan aplikasi lama tidak berjaya berkemungkinan disebabkan adanya fail dalam aplikasi itu hilang atau terdapat failnya yang rosak. Kaedah ini juga boleh digunakan untuk mana-mana aplikasi dalam sistem Windows tetapi perlu dilakukan dengan cermat dan betul.

Buka program Command Prompt dalam sistem Windows dan laksanakan baris arahan-arahan yang berikut:- (Ada kalanya, boleh dimuat kesemua arahan secara terus)

1. `reg delete HKLM\Software\Microsoft\Silverlight /f`
2. `reg delete HKEY_CLASSES_ROOT\Installer\Products\{D7314F9862C648A4DB8BE2A5B47BE100} /f`
3. `reg delete HKEY_LOCAL_MACHINE\SOFTWARE\Classes\Installer\Products\{D7314F9862C648A4DB8BE2A5B47BE100} /f`
4. `reg delete HKEY_CLASSES_ROOT\TypeLib\{283C8576-0726-4DBC-9609-3F855162009A} /f`
5. `reg delete HKEY_LOCAL_MACHINE\SOFTWARE\Microsoft\Windows\CurrentVersion\App Paths\install.exe /f`
6. `reg delete HKEY_CLASSES_ROOT\AgControl\AgControl /f`
7. `reg delete HKEY_CLASSES_ROOT\AgControl\AgControl.5.1 /f`
8. `reg delete HKEY_LOCAL_MACHINE\SOFTWARE\Microsoft\Windows\CurrentVersion\Uninstall\{89F4137D-6C26-4A84-BDB8-2E5A4BB71E00} /f`
9. `rmdir /s /q "%ProgramFiles%\Microsoft Silverlight"`
10. `rmdir /s /q "%ProgramFiles(x86)%\Microsoft Silverlight"`
11. `echo Done`